

Pasukan khas pantau ketirisan minyak masak bersubsidi

KPDNHEP bertindak tegas

Oleh YULPISMAN ASLI

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 20 SEPT.

PASUKAN Khas Bahagian Penguatkuasaan (BPGK) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya menghasilkan sebanyak 43 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 berkaitan isu ketirisan minyak masak bersubsidi.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd. Aziz berkata, melalui tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, sebanyak 115 kes membabitkan pelbagai kesalahan melibatkan minyak masak dikesan dengan nilai rampasan RM602,376.50 pada 2018, dan sehingga Ogos lalu, sebanyak 106 kes dengan nilai rampasan RM12,641,929.33.

"Hasil kerjasama yang baik daripada agensi penguatkuasaan lain, sebanyak 44 kes serahan pelbagai agensi luar telah dicatatkan pada 2018 dan 13 kes serahan dicatatkan pada tahun ini.

"Sebagai mencerminkan ke-seriusan kementerian dalam menangani ketirisan subsidi ini, 10 syarikat pembungkus minyak masak telah dikenakan tindakan pembekuan kuota kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan serius di bawah Akta



MUEZ ABD. AZIZ

Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau mengulas laporan eksklusif *Utusan Malaysia* Selasa lalu yang mendedahkan kegiatan penyeludupan minyak masak bersubsidi sehingga menyebabkan kerajaan rugi ratusan juta ringgit setiap tahun.

Menurut Muez, BPGK juga telah membangunkan Pelan Tindakan Membanteras Barang Kawalan Bersubsidi Di Sempadan melibatkan empat negeri iaitu Perak, Kedah, Kelantan dan Perlis sebagai panduan memperkuatkukan penguatkuasaan ke atas barang kawalan bersubsidi di sempadan.

Selain itu, katanya, pemeriksaan menyeluruh ke atas syarikat pembungkus minyak masak dipertingkatkan bagi memastikan mereka mematuhi semua perundungan dan tidak melanggar mana-mana

- Penyeludup untung RM300,000 sebulan
- Kerajaan rugi ratusan juta ringgit

SUBSIDI MINYAK DICURI

Eksklusif

» Masalah penyeludupan minyak masak masih berterusan dan serius.

» Peruntulan RM600 juta kerajaan untuk kos subsidi dinikmati peniaga haram.

» Sindikat beli minyak bersubsidi dan dijual semula ke negara jiran.

» Minyak masak paket dibeli pada harga RM2.50, jual senang RM3.50.

» Ini bermakna mereka akan mendapat untung RM1.50 bagi satu kilogram, bayangan hanya dengan menyeludup 200 tan, mereka boleh meraih untung mencapai RM300,000 sebulan.



KERATAN *Utusan Malaysia*
17 September 2019.

perundungan yang dikuatkuaskan.

"BPGK juga telah menyampaikan taklimat kepada pihak industri dengan kerjasama Persatuan-persatuan Kilang Penapis Minyak Masak (PORAM) bagi memberikan kefahaman undang-undang kepada pihak industri bagi mengelakkan mereka melakukan kesalahan," jelasnya.

Beliau berkata, sehingga Ju-lai lalu, terdapat 290 syarikat pembungkus minyak masak yang terlibat dalam skim ini dan

jumlah itu berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada prestasi syarikat tersebut.

"Syarikat yang tidak melepas tahap prestasi yang baik akan dinilai semula kedudukan kuotanya.

"KPDNHEP juga mengawal selia pembekalan minyak masak di setiap peringkat rantai edaran melalui rejim pelesenan barang kawalan. Kaedah ini membolehkan kawalan lebih berkesan ke atas pengedar minyak masak," jelasnya lagi.

HARI : SABTU
TARikh : 21/9/2019
MURAT : 6